

KEHARUSAN PEMELIHARAAN HAIWAN LIAR DAN EKSOTIK BAGI ORANG ISLAM

**MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN¹
MUHAMMAD SAFWAN FIKRI SAMSUDIN²**

*Corresponding Author: khaidzir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Memelihara binatang bagi tujuan hiburan, teman, dan perlindungan termasuk di dalam adat budaya masyarakat di Malaysia. Haiwan peliharaan yang dipilih merupakan haiwan domestik yang dijinakkan seperti kucing, arnab, burung, hamster, dan sebagainya. Namun begitu terdapat trend masyarakat hari ini yang menjadikan haiwan liar dan eksotik sebagai peliharaan dan teman seperti ular, tupai, cicak, biawak, katak dan sebagainya. Perubahan trend ini perlu dikawalselia dengan merujuk kepada garis panduan syarak agar terkawal dan tidak melampaui batas. Tujuan kertas ini adalah untuk melihat sejauhmana keharusan memelihara haiwan liar dan eksotik menurut perspektif Islam. Fokus kajian adalah tertumpu kepada hukum memelihara haiwan bagi tujuan teman dan hiburan termasuk haiwan eksotik, liar dan haram dimakan. Metodologi kajian adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan pengumpulan maklumat dari sumber rujukan fekah dan fatwa. Hasil kajian mendapati hukum pemeliharaan haiwan adalah dibenarkan bagi orang Islam jika wujud keperluan dan masalah kepada haiwan dan pemiliknya.

Kata kunci: Pemeliharaan haiwan, Liar dan eksotik, Hukum fekah, Masalah.

1. Pengenalan

Haiwan membawa maksud binatang iaitu makhluk yang bernyawa dan tidak berakal. Peliharaan pula membawa maksud yang dipelihara. Oleh itu, haiwan peliharaan pula membawa maksud binatang yang dipelihara oleh seseorang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004).

Haiwan peliharaan merupakan haiwan domestik atau haiwan yang dijinakkan untuk dijadikan teman, perlindungan atau hiburan. Haiwan yang sering dipelihara adalah seperti anjing, kucing, arnab, burung, hamster, khinzir dan sebagainya. Ada juga yang memelihara reptilia seperti jenis cicak atau ular sebagai haiwan peliharaan.

Memiliki haiwan peliharaan bermakna memikul tanggungjawab ke atas kebajikan haiwan tersebut bukan setakat menjaga sahaja. Tanggungjawab memastikan ia sihat, kelihatan bersih dan kemas serta gembira. Walaubagaimanapun kesihatan dan kebajikan diri sendiri perlu diutamakan. Oleh itu ada beberapa perkara yang perlu tahu sebelum mempertimbangkan untuk memiliki haiwan peliharaan.

¹ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor

² Calon Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor

2. Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, Islam mewajibkan berbuat ihsan kepada kesemua makhluk meliputi manusia, tumbuhan, dan juga haiwan. Berbuat ihsan kepada haiwan adalah wajib hukumnya dalam erti kata tidak menyakiti dan menzalimi haiwan tersebut. Islam datang membawa rahmat buat semua rahmat buat sekalian alam termasuk juga hidupan yang dihidup di muka bumi ini sama ada manusia mahupun haiwan atau binatang. Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud:

“Tidaklah kami mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam”.

(Surah al-Anbiyya': 107)

Manakala baginda SAW menyeru berbuat baik walaupun kepada binatang. Dari Abu Hurairah r.a bahwa Rasulullah SAW bersabda:

“Ada seorang laki-laki yang sedang berjalan lalu dia merasakan kehausan yang sangat sehingga dia turun ke suatu perigi lalu minum dari air perigi tersebut. Ketika dia keluar dari perigi, didapatkannya seekor anjing yang sedang menjulurkan lidahnya menjilat-jilat tanah karena kehausan. Orang itu berkata: “Anjing ini sedang kehausan seperti yang aku alami tadi”. Maka dia (turun kembali ke dalam perigi) dan diisi kasutnya dengan air dan sambil menggigit kasutnya dengan mulutnya dia naik keatas lalu memberi anjing itu minum. Kemudian dia bersyukur kepada Allah maka Allah mengampuninya”. Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah kita akan dapat pahala dengan berbuat baik kepada haiwan?” Baginda SAW menjawab: “Terhadap setiap makhluk bernyawa diberi pahala”.

(Riwayat Bukhari, No: 2190)

Demikian juga menzalimi haiwan boleh membawa seseorang itu ke dalam neraka. Ini berdasarkan sebuah riwayat daripada Abdullah bin 'Umar r.anhuma beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Seorang perempuan diazab disebabkan seekor kucing yang dia kurung sehingga ia mati kelaparan. Maka wanita tersebut masuk ke dalam neraka disebabkan.

(Riwayat Bukhari, No: 2365)

Trend kehidupan masyarakat di Malaysia hari ini menjadikan pelbagai jenis haiwan sebagai peliharaan. Ia boleh banyak dikategorikan kepada dua kategori iaitu kategori yang pertama adalah haiwan yang jinak terbahagi kepada dua jenis iaitu yang pertama berbulu seperti kucing, anjing, burung, moyet, tupai dan sebagainya. Manakala haiwan yang kedua adalah tidak berbulu iaitu kulit seperti ular, biawak, cicak mengkarung, katak dan sebagainya.

Kategori yang kedua adalah haiwan liar. Terdapat juga sebahagian masyarakat Malaysia yang turut membelanya akan tetapi ia dikawal selia oleh Jabatan Perhilitan dibawah Kementerian Alam Sekitar dan Air. Dengan tujuan mengawal keseimbangan ekosistem flora dan fauna yang ada di Malaysia.

Mana-mana individu yang ingin membela haiwan liar perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak tertentu seperti penguatkuasa daripada Jabatan Perhilitan dan kelulusan daripada menteri di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Membela haiwan liar ini tidak boleh dikenali sebagai haiwan peliharaan kerana istilah itu hanya digunakan oleh veterinar, seperti kucing, anjing dan binatang lain yang domestik sahaja.

Sementara haiwan liar ini mempunyai kategori tertentu yang perlu menyemaknya sebelum membuat keputusan untuk memeliharanya. Antara spesies haiwan liar buruan yang dilindungi adalah babi hutan, sesumpah, landak, kijang, rusa, beruk, ular, kelawar, babun dan kluang. Kesemua spesies ini perlu mendapat kebenaran dari pihak penguatkuasa Jabatan Perhilitan untuk memeliharanya.

Sementara dalam kategori haiwan yang dilindungi sepenuhnya pula, ia perlu mendapatkan kebenaran daripada menteri. Antaranya ialah kambing gurun, babi bodoh, kucing hutan, harimau belang, harimau kumbang, memerang, beruang matahari, beruang perang, musang dan banyak lagi.

Di Semenanjung Malaysia, spesies hidupan liar yang dilindungi adalah spesies yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama dan Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan spesies yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]. Jadual spesies ini boleh dirujuk di Senarai Spesies di bawah Jadual Akta 716.

Jabatan perhilitan mengeluarkan beberapa jenis lesen berdasarkan aktiviti dan spesies yang dipohon. Pada kebiasaan lazimnya lesen yang dikeluarkan adalah bagi aktiviti memburu, mengambil, menyimpan, memungut, menjalankan urusan berniaga, menjalankan perniagaan taksidermi, mengimport, mengeksport atau mengeksport semula hidupan liar yang dilindungi (termasuklah bahagian atau terbitan hidupan liar). Jabatan juga mengeluarkan permit bagi aktiviti mengendalikan zoo, pembiakbakaan dalam kurungan komersial, sarkas atau pameran hidupan liar serta menjalankan penyelidikan. Permohonan lesen boleh dibuat di Pejabat Perhilitan Negeri.

3. Analisis Hukum Memelihara Haiwan Liar dan Eksotik

Membela binatang peliharaan tiada salahnya jika kita mematuhi adab dan etika seperti yang dianjurkan oleh agama. Seperti mana kita diperintahkan untuk berbuat baik terhadap manusia, begitulah juga terhadap haiwan. Semua haiwan yang dihukumkan suci semasa hidupnya kecuali haiwan yang telah ditetapkan keharaman dan kenajisannya dalam nas adalah harus dipelihara. Manakala haiwan yang dinyatakan dalam nas iaitu anjing dan babi atau yang lahir dari salah satu keduanya adalah haram dipelihara. Begitu juga haiwan yang diperintah untuk dibunuh, seperti hidup ditempat yang kotor dan makan dari hasil yang kotor tidak harus dipelihara.

Daripada Anas bin Malik r.a berkata:

Bahawa Nabi SAW ialah manusia yang paling baik akhlaknya. Aku (yakni Anas) memiliki seorang adik lelaki, yang Nabi memanggilnya "Abu `Umair". Umurnya kira-kira baru tamat menyusu. Jika Rasulullah datang, maka Baginda akan bertanya kepadanya: "Wahai Abu `Umair, apa yang Si Nughair buat?" (al-Nughair itu

adalah) sejenis burung nughar (yang sedap dan bagus suaranya) yang Abu Umair biasa bermain dengannya.”

(Al-Bukhari, No: 6203)

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa dibolehkan untuk memelihara atau bermain-main dengan haiwan-haiwan yang diharuskan syarak dengannya. Keutamaan dalam memelihara haiwan mengikut kaedah fiqh adalah seperti berikut:

1. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat tujuan (الأمر بمقاصدها)

Dalam kita hendak memelihara perlulah diamati dan dicermati dalam perkara ini kerana ajaran Islam cukup menitik berat soal kehidupan yang bernyawa sama ada manusia mahupun haiwan. Jika sekiranya, yang hendak dipelihara itu adalah haiwan yang suci dan jelas tiada keharamannya dalam nas maka diharuskan untuk dipelihara dan dijaga serta kebajikannya.

Jika haiwan yang sebaliknya iaitu haiwan yang jelas dinyatakan keharamannya dalam nas maka Islam tidak menggalakkan umatnya memelihara anjing sekiranya tiada keperluan ataupun darurat. Oleh itu seorang muslim harus menjauhi dari memelihara anjing sebagai sebuah hobi atau tanpa sebarang keperluan yang dibenarkan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Barangsiapa yang memelihara anjing- melainkan anjing buruan ataupun bagi pengembalaan kambing- maka akan dikurangkan dari pahala hariannya sebanyak satu Qirat.

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani meriwayatkan bahawa maknanya adalah jumlah yang sebesar gunung Uhud. Sebahagian ulamak berpendapat ianya membawa erti: Jumlah yang banyak yang hanya Allah sahaja yang mengetahui kadarnya (Ibn Hajar, 1994). Merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada 14-15 Ogos 2017 menyatakan dengan jelas keharamannya melainkan untuk tujuan khusus yang termasuk dalam keperluan dan kemaslahatan. Antaranya adalah untuk tujuan:

- i. Perburuan; anjing yang digunakan bukanlah anjing "comel" dijadikan "teman" untuk bermanja, tetapi anjing yang garang atau tahan lasak dan sesuai dijadikan untuk berburu. Walau bagaimanapun, Islam hanya membenarkan perburuan adalah untuk mendapatkan makanan, bukan memburu kerana sukan, suka-suka dan berseronok-seronok kerana Islam tidak membenarkan haiwan dibunuh atau disiksa atau diusir dari tempat yang lazim mereka tinggal, hanya untuk suka-suka;
- ii. Anjing pemandu jalan; untuk dijadikan anjing pemandu jalan seperti untuk orang buta sekiranya amat memerlukan dan tiada orang lain yang dapat membantu;
- iii. Keselamatan; untuk tujuan keselamatan pihak berkuasa seperti Polis dan Kastam, dan juga untuk mengawal keselamatan di sekitar rumah;
- iii. Membantu penternakan haiwan.

2. Kesukaran membawa kemudahan

Sekiranya haiwan yang berada dalam kesulitan maka harus dibolehkan untuk pelihara bagi haiwan yang tiada keharamannya dan mendatangkan mudharat. Jika haiwan itu diharamkan dan boleh mendatangkan kemudharatan maka dibolehkan bagi waktu yang tertentu. Sebagai contoh hendak menyelamatkan haiwan iaitu anjing yang dilanggar lalu kaki atau tangan patah,

maka kita dibolehkan merawat dan menjaga sementara waktu. Kemudiannya kita perlu melepaskan dan mebebaskan ke tempat asalnya.

Sama juga hukumnya bagi masyarakat yang tersentuh kulit ataupun air liurnya mungkin ketika anjing tersebut digunakan pada tempat awam ataupun dalam pengangkutan awam. Pendekatan sebahagian ulama mazhab Shafie dan mazhab Maliki dalam isu ini boleh diikuti. Untuk mereka yang berpandangan bahawa perlu menyucikan jika tersentuh anjing maka ini dikira sebagai *umumul balwa* dan mereka tidak tertakluk kepada tuntutan menyucikan.

3. Bahaya/kemudharatan yang mesti dihapuskan

Setiap kehidupan yang bernyawa perlu dijauhi kemudharatnya sama ada manusia atau haiwan. Jika berada dalam keadaan kesulitan maka dibenarkan atau dalam keadaan dianiaya oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Dirawat terlebih dahulu kemudiannya diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

4. Adat dijadikan hukum

Perbuatan memelihara haiwan yang haram atau yang boleh mendatangkan mudharat secara sengaja, tanpa sebarang sebab yang dibenarkan dalam Islam akan menimbulkan keresahan di kalangan umat Islam kerana ianya bercanggah dengan pegangan mazhab dan uruf di Malaysia. Menurut mazhab syafie, umat Islam adalah dilarang menyentuh secara sengaja kerana menajiskan diri tanpa tujuan yang munasabah adalah haram di sisi Islam.

Walaupun Islam meletakkan kaedah serti apabila terkena najis yang dikategorikan sebagai *mughallazah* namun kaedah tersebut bukanlah alasan untuk membolehkan seseorang itu memegang najis *mughallazah* secara sengaja. Tindakan tersebut samalah seperti orang yang sengaja melakukan dosa dengan alasan akan bertaubat kemudiannya.

Perbuatan bagi orang Islam yang memelihara haiwan yang haram atau yang boleh mendatangkan mudharat sebagai haiwan peliharaan (*pet*) akan disalah tafsir dan dilihat seolah-olah cuba mencipta budaya baru yang boleh membawa kepada perbuatan menghina agama Islam. Oleh yang demikian, mereka perlu segera meninggalkan perbuatan tersebut dan kembali bertaubat kepada Allah. Justeru, umat Islam dinasihatkan agar tidak menjadikan haiwan tersebut sebagai haiwan peliharaan. Ini kerana Islam mewajibkan umatnya untuk memelihara kesucian diri, pakaian dan tempat tinggal agar ia tidak menjejaskan amal ibadah seharian.

Perkara penting di dalam memelihara haiwan-haiwan termasuk haiwan eksotik ini ialah kebajikan yang wajib ditunaikan. Abu Syuja' di dalam al-Iqna' menyatakan "dan bermula nafkah kepada hamba dan bahimah (haiwan ternakan) itu adalah wajib". Al-Khatib al-Syarbini menukikan bahawa haiwan *bahimah* ini ialah haiwan yang *muhtaram* (yang dimuliakan yakni bukan haiwan perosak), tidak terhad kepada haiwan ternakan berkaki empat, seperti mana yang disebut oleh Imam al-Azraie. Menjadi kewajipan bagi pemilik haiwan berkenaan untuk menyediakan makanan dan minuman sekadar boleh menghilangkan kelaparan dan kehausan.

Selain dari itu haiwan tersebut tidak boleh mendatangkan bahaya pada yang lain. Daripada 'Aisyah r.anha, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Khams fawasiq (haiwan perosak yang lima) yang perlu dibunuh meskipun di dalam keadaan berihram; kala jengking, tikus, burung 'kite' (burung pemangsa seakan helang), burung gagak dan anjing ganas. Al-Imam Malik Rahimahullah 10 mengatakan bahawa makna bagi hadis di atas adalah kerana keadaan serta tabiat *khams fawasiq* tersebut adalah mendatangkan gangguan, membahayakan dan juga memudaratkan maka dibolehkan untuk dibunuh bagi mereka yang berihram.

(Riwayat Muslim, No: 1198)

4. Kesimpulan

Pemeliharaan haiwan liar dan eksoti menurut syarak adalah dibenarkan jika ada keperluan dan masalahnya. Haiwan tersebut hendaklah dijaga kebajikannya sama ada makan minum, kesihatan dan keselesaan tempat tinggal. Selain itu juga, perlu dipastikan haiwan yang dipelihara itu tidak kotor, mengganggu atau membahayakan orang lain. Ini kerana, implikasi daripada kesan kotor haiwan tersebut akan menjejaskan kepada kesempurnaan sesuatu ibadat kepada Allah SWT. Adalah disarankan kepada pencinta haiwan untuk memelihara haiwan yang mesra sifatnya kepada manusia serta tidak membawa kesan negatif kepada tuannya atau orang lain.

5. Rujukan

Abdul Hamid Syarwani, 1998. *Hawasyi Tuhfah Al-Manhaj Bi Syarah Al-Manhaj*, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ahmad bin Hussien, 1992. *Matan Abi Syuja'*, Beirut: Dar Al-Fikr

Al-Shirazi, 2000. *Al-Muhazzab*, Beirut: Dar Kutub Al-'Ilmiyah.

Al-Mawardi, 2002. *Al-Hawi Al-Kabir*, Beirut: Dar Al-Fikr

Ibn Hajar Al-'Asqalani, 1994. *Fathul Bari*, Beirut: Dar Al-Ma'rifah

Sulaiman bin Muhammad, t.th. *Hasyiah Bujairami Ala Syarah Manhaj Al-Tullab*, Beirut: Mataba'ah al-Halabi

Al- Syarbini, t.th. Syamsuddin Muhammad bin Ahmad Khatib, *Al-Iqna'*, Beirut: Dar Al-Fikr

Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

Laman Sesawang:

<http://mufti.penang.gov.my/index.php/efatwa-2/325-pemeliharaan-anjing-sebagai-haiwan-peliharaan-oleh-orang-islam>

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2210-al-kafi-687-haiwan-haiwan-yang-haram-untuk-dimakan-di-dalam-islam>

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2744-al-kafi-886-memegang-anjing-ketika-dalam-lakonan>

<https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Irsyad/Malay-Advisory-on-Guide-Dogs>

<https://www.wildlife.gov.my/index.php/component/content/article/13-awam/119-soalan-lazim-penguatkuasaan>

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2019/06/14/haiwan-liar-boleh-dipelihara-dengan-kebenaran/>

<https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/81-anjing-dan-isu-masyarakat-malaysia>